

PM-TOL

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 11 MALAM INI (4 SEPT.) 1984

KUALA LUMPUR, 4 SEPT. (BERNAMA)--- PENDUDUK MALAYSIA MESTI SANGGUP MEMBAYAR TOL JALAN YANG DIKENAKAN JIKA MEREKA MENGEHENDAKI KERAJAAN MEMBINA LEBUHRAYA YANG +BENAR-BENAR BAIK+ BAGI MENGGANTIKAN JALAN-JALANRAYA YANG DIBINA SEMASA SEBELUM PERANG DI NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAMINI.

PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH MUSTAHIL BAGI KERAJAAN MEMBINA LEBUHRAYA EKSPRES UNTUK MENGATASI KESESAKAN LALULINTAS DAN UNTUK KESELESAAN PENGGUNA JALANRAYA TANPA KUTIPAN TOL.

+DI MANAKAH KITA HENDAK DAPAT DUIT KALAU KITA TIDAK MENGADAKAN TOL, KALAU KITA SURUH SEKTOR SWASTA BUAT, DIA MESTI MENGADAKAN TOL, + JELASNYA SEMASA DITEMURAMAH DALAM RANCANGAN EHWAL SEMASA TERBITAN RTM.

DR. MAHATHIR MENERANGKAN PENGGUNA JALANRAYA DI NEGARA INI ADALAH BERNASIB BAIK OLEH KERANA KERETA TIDAK BERAPA BANYAK, MEREKA DIKENAKAN MEMBAYAR TOL JALAN DARIPADA SEREMBAN KE KUALA LUMPUR CUMA KIRA-KIRA DUA ATAU TIGA SEN SEBUTU SAHAJA.

DI JEPUN, PENGGUNA MEMBAYAR HAMPİR 30 SEN SEBUTU UNTUK JALAN: "LEBUHRAYA EKSPRES DAN MEREKA MEMPUNYAI KIRA-KIRA 80 JUTA KERETA. ---LAGI
1553MST 04 C19 04

D625

R 8348 DEB

'PM-TOL 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DITANYA SAMADA KERAJAAN Boleh MENGENAKAN CUKAI MINYAK DENGAN MEMASUKKAN BAYARAN TOL SEKALI DI DALAMNYA, PERDANA MENTERI BERPENDAPAT SYOR ITU LEBIH MUDAH TETAPI, MALANGNYA, ORANG YANG TIDAK MENCGUNAKAN LEBUHRAYA EKSPRES PUN TERPAKSA MEMBAYAR JUGA.

KATANYA, BUKAN SEMUA ORANG YANG HENDAK MENGGUNAKAN LEBUHRAYA EKSPRES, JADI ORANG YANG HENDAK MENGGUNAKANNYALAH YANG PATUT MEMBAYAR.

+KALAU RAKYAT SANGGUP, KITA BOLEH MENAIKKAN CUKAI, TETAPI JANGAN BISING. KITA KENAKAN CUKAI KE ATAS MINYAK SEMUA ORANG BISING. KENAPA KENA BAYAR CUKAI?

+SEBALIKNYA, KALAU (RAKYAT) HENDAK, KERAJAAN AKAN HENTIKAN PEMBINAAN SEMUA LEBUHRAYA EKSPRES. TETAPI JANGAN GADUH KALAU KITA HENDAK JALAN TIDAK BOLEH KERANA JALAN SESAK, +PESAN DR. MAHATHIR.

BELIAU SEDIH KERANA BILANGAN KERETA SEKARANG SUDAH MENINGKAT DENGAN BEGITU PESAT TETAPI JALAN YANG TERDAPAT DI NEGARA INI MASIH JALAN YANG WUJUD SEBELUM PERANG. ---LAGI

PM- TOL 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

PERDANA MENTERI MENERANGKAN WALAUPUN TOL DIKUTIP, TETAPI IA TIDAK MENCUKUPI UNTUK MEMBIAYAI PERBELANJAAN MENGADAKAN JALAN DAN SEBAGAINYA BAGI KEMUDAHAN MEREKA YANG MENGGUNAKAN JALANRAYA.

KERAJAAN MENGANGGARKAN DALAM TAHUN 1980, PERBELANJAAN \$6 RIBU JUTA DIPERLUKAN UNTUK MENGADAKAN SATU LEBUHRAYA EKSPRES DARI BUKIT KAYU HITAM HINGGA KE JOHOR BAHRU.

+KALAU KITA PUNGUT TOL MENGIKUT PARAS YANG KITA PUNGUT SEKARANG INI, DALAM JANGKA MASA 40 TAHUN BARULAH MUNGKIN DAPAT KPTA KUTIP \$6 RIBU JUTA. +

DR. MAHATHIR BERKATA TIDAK ADA SESIAPAPUN YANG SANGGUP MEMBINA JALAN ITU DARI BAYARAN TOL KERANA TOL YANG DIKUTIP ITU SANGAT SEDIKIT BERBANDING DENGAN PERBELANJAAN SEBENARNYA.

MENGENAI TOL YANG DIKENAKAN DI TAMBAK JOHOR, BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MEMBELANJAKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT UNTUK MEMBINANYA DAN OLEH SEBAB ITU, KUTIPAN PERLU DIADAKAN SEBAGAI SATU CARA HUBUNGAN ANTARA SINGAPURA DENGAN MALAYSIA YANG BOLEH MERINGANKAN SEDIKIT KESESAKAN LALULINTAS DI TAMBAK ITU. ---LAGI

1618MST 04 09 24

R B358 DEB

PM-TOL 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENGULASKAN ONNYA TIMBUL PENCANGGAHAN PENDAPAT ANTARA KERAJAAN PUSAT DENGAN KERAJAAN JOHOR MENGENAI KUTIPAN TOL ITU, DR. MAHATHIR MEMBERITAHU BAHAWA BELIAU SENDIRI TELAH BERBINCANG DENGAN MENTERI BESAR JOHOR, DATUK AJIB AHMAD DAN BELIAU BERSETUJU KUTIPAN TOL ITU DIADAKAN.

+DIA TIDAK MEMBANGKANG. MUNGKIN DIA BERASA TERSINGGUNG SEDIKIT KERANA KATA-KATA YANG PADA PENDAPATNYA TIDAK BEGITU SEDAP, + KATANYA SEBAGAI MENJELASKAN KONTROVERSI YANG TIMBUL EKORAN KENYATAAN MENTERI KERJAYA, DATUK S. SAMY VELLU YANG TELAH BERKATA BELIAU ADALAH MENTERI PERSEKUTUAN DAN TIDAK PERLU MENDENGAR PENDAPAT KERAJAAN NEGERI BERKENAAN DENGAN KUTIPAN TOL DI JOHOR.

DITANYA SAMADA KUT 6 PANTOL MERUPAKAN SATU JAMINAN KERAJAAN BAHWA RAKYAT AKAN MENDAPAT JALANRAYA YANG BETUL-BETUL BAIK, PERDANA MENTERI BERKATA ADALAH MUSTAHIL UNTUK MENGUTIP WANG YANG CUKUP UNTUK MEMBINA JALAN YANG BENAR-BENAR +FIRST CLASS.+

DALAM PADA ITUPUN, KATANYA ADA PULA NASIHAT DARIPADA BADAN-BADAN PERUNDING YANG LAIN SUPAYA KERAJAAN TIDAK MEMBINA JALANRAYA DENGAN HARGA YANG TERLALU TINGGI UNTUK MENJIMATKAN PERBELANJAAN.

BELIAU MENJELASKAN LEBUHRAYA TERMASUK SEREMBAN-KUALA LUMPUR DAN LEBUHRAYA TIMUR-BARAT MENGALAMI KEROSAKAN KERANA KERAJAAN CUBA MENGURANGKAN PERBELANJAAN. ---LAGI

1647MST 04 09 8 4

D644

RB359 DE0

PM-TOL 5 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU MENJELASKAN SEBENARNYA LEBUHRAYA TIMUR-BARAT SEPATUTNYA DIBINA BUKAN DENGAN CARA YANG DIBINA SEKARANG IAITU DENGAN MEMOTONG BUKIT DAN MEMBINA JALAN DITEPI-TEPI BUKIT.

+SEPATUTNYA DIADAKAN SATU JAMBATAN MASUK KE DALAM GUA, SELEPAS ITU MENYEBERANG SATU LAGI LEMBAH MELALUI JAMBATAN, MASUK KE DALAM GUALAGI, BARULAH BOLEH KITA KENGADAKAN JALAN YANG CUKUP KEMAS, YANG TIDAK AKAN RUNTUH DENGAN MUDAH, + KATANYA.

TETAPI, TAMBAHNYA, PERBELANJAAN UNTUK MEMBINA JALAN SEPERTI ITU MUNGKIN TIGA KALI GANDA DARIPADA YANG DIBELANJAKAN SEKARANG.

+JADI OLEH KERANA HENDAK MENJAGAKOS, KERANA KUTIPAN KITA TIDAK BANYAK, KITA TERPAKSA MEMBUAT JALAN DENGAN CARA YANG TIDAK BEGITU BAIK. + --BERNAMA